

01/07/2000

PM hadir majlis kahwin anak Rais

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini menghadiri majlis persandingan anak perempuan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim, di Hotel Hilton, dekat sini.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan kehadiran isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali serta kenamaan lain, termasuk Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaa'far dan Tuanku Ampuan Najihah; Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Hendon Mahmood.

Malini, 23 eksekutif pentadbiran sebuah firma guaman di sini manakala suami beliau, Dr Raja Badrul Hisham Raja Zazman, 32, ialah doktor bedah HUKM Cheras.

(END)